



# ***PROSEDUR OPERASI STANDARD DAN GARIS PANDUAN AM***

**KEBENARAN BEROPERASI BAGI PERLAKSANAAN  
KERJA-KERJA PEMBINAAN SERTA TATACARA  
KAWALAN PENGURUSAN PEKERJA DI TAPAK BINA  
SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN (PKP) DAN PASCA PKP**

**(WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA)**

**(PINDAAN 2021)**

**PERBADANAN PUTRAJAYA**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD DAN GARIS PANDUAN AM  
KEBENARAN BEROPERASI BAGI PERLAKSANAAN KERJA-KERJA  
PEMBINAAN SERTA TATACARA KAWALAN PENGURUSAN  
PEKERJA DI TAPAK BINA SEMASA TEMPOH PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN PASCA PKP**

---

**ISI KANDUNGAN**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Pengenalan	3
2.	Definasi / Takrifan	3
3.	Tujuan	4
4.	Perkara yang Perlu dipatuhi	5
5.	Pemakluman Untuk Pengoperasian Kerja	10
6.	Jenis Kerja-Kerja Yang Dibenarkan	12
7.	Perlaksanaan Dan Pematuhan	13
8.	Penguatkuasaan	15
9.	Pengecualian	17

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Prosedur Operasi Standard (“SOP”) ini disediakan oleh Bahagian Senibina dan Inspektorat Bangunan, Jabatan Perancangan Bandar (BSIB), Perbadanan Putrajaya (“PPj”) selaras dengan keputusan Kerajaan untuk membenarkan kerja-kerja pembinaan diteruskan/disambung semula semasa \*Perintah Kawalan Pergerakan (“PKP”) dikuatkuasakan, serta mengambilkira perlaksanaan kerja-kerja pembinaan semasa \*pasca PKP.  
*(\*pindaan 2021)*
- 1.2 \*SOP ini juga adalah merujuk kepada SOP Kebenaran Beroperasi Bagi Perlaksanaan Kerja-Kerja Pembinaan Serta Tatacara Kawalan Pengurusan Pekerja Di Tapak Bina Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (“PKPB”) Dan Pasca PKPB Tahun 2020 yang dikeluarkan terdahulu.  
*(\*pindaan 2021)*

## 2. DEFINASI / TAKRIFAN

- 2.1 Takrifan **Kerja-Kerja Pembinaan** adalah merujuk kepada apa-apa kerja Pembinaan Bangunan yang telah diluluskan oleh PPj berdasarkan Kelulusan Pelan Mendirikan Bangunan setelah mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986 dan Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133).
- 2.2 Selain itu, Kerja-Kerja Pembinaan juga boleh dirujuk kepada apa-apa perlaksanaan **Kerja Tanah \*dan Infrastruktur**, yang melibatkan kerja penyediaan *platform*, membersihkan kawasan tapak/tanah, memotong dan meratakan tanah, menyediakan kemudahan infrastruktur termasuk penyediaan parit, longkang, salur pembentungan, penyediaan jalan, \*penyediaan cerun, pembinaan tembok penahan dan lain-lain kerja yang berhubungkait dengan kerja infrastruktur/tanah, \*samada melibatkan kerja baharu atau penyelenggaraan semula yang mana telah pun mendapat kebenaran secara bertulis daripada PPj.  
*(\*pindaan 2021)*

- 2.3 Takrifan **Bangunan** hendaklah merujuk kepada tafsiran “Bangunan” sepertimana dalam Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986 [UuKBS] yang dikuatkuasakan pemakaianya di Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- 2.4 Takrifan “**Orang Utama Yang Mengemukakan**” (**PSP**) adalah seseorang (Arkitek/Jurutera Profesional dengan Sijil Amalan/Pelukis Pelan Berdaftar) yang berkelayakan untuk mengemukakan pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan untuk diluluskan.
- 2.5 \* “**PERMIT KERJA**” adalah merujuk kepada kebenaran yang dikeluarkan oleh PPj terhadap sesuatu kerja mengikut tempoh masa/waktu yang ditetapkan atau dibenarkan oleh PPj. (\*pindaan 2021)
- 2.6 \* “**Kontraktor**” adalah syarikat atau mana-mana pihak/mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik tanah/penguasa projek/pihak berkepentingan/pihak pelaksana projek untuk menjalankan apa-apa kerja-kerja berhubung pembinaan bangunan/kerja-kerja tanah atau apa-apa kerja yang terlibat di dalam kawasan tapak bina mengikut kontrak yang diberikan. (\*pindaan 2021)

### 3. TUJUAN

- 3.1 SOP ini adalah bertujuan untuk memperincikan kaedah tataselia dan kawalan pengurusan pekerja di tapak bina untuk PSP/Pemaju/Syarikat/Kontraktor/ Mana-Mana Orang yang dilantik oleh Pemaju untuk menjalankan kerja pembinaan di Wilayah Persekutuan Putrajaya semasa PKPB dan Pasca PKPB.
- 3.2 Mengambilkira keperluan pelabur, pihak berkepentingan (“*stake holder*”), pemaju yang terkesan akibat pemberhentian/penangguhan kerja-kerja pembinaan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan semula oleh kerajaan bermula pada \*13 Januari 2021, PPj telah merangka

suatu SOP bagi kebenaran menjalankan/memulakan semula kerja-kerja pembangunan selaras dengan kebenaran Kerajaan yang membenarkan sektor pembinaan diteruskan tertakluk kepada SOP yang ditetapkan.

(\*pindaan 2021)

- 3.3 Pematuhan SOP ini perlu mengambil kira SOP lain yang dikeluarkan oleh Kementerian atau Agensi lain yang bertanggungjawab dalam rantai bekalan (*supply chain*) industri pembinaan (i.e. yang dikeluarkan oleh Pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)).
- 3.4 Kerja pembinaan boleh dihentikan dengan serta merta dan tindakan penguatkuasaan oleh PPj boleh diambil terhadap mana-mana syarikat/kontraktor pembinaan, sekiranya mendapati syarikat/kontraktor telah gagal mematuhi undang-undang bangunan atau apa-apa undang-undang yang dikuatkuasakan oleh PPj di Wilayah Persekutuan Putrajaya, serta SOP yang dikeluarkan oleh PPj ini.

#### 4. PERKARA YANG PERLU DIPATUHI

- 4.1 Pemakluman Kebenaran Beroperasi yang dikeluarkan oleh pihak PPj hendaklah dipamerkan dengan jelas di tapak bina/ premis. Kebenaran beroperasi adalah berdasarkan projek pembangunan yang yang telah diluluskan oleh PPj dan tertakluk kepada peraturan-peraturan semasa yang dikeluarkan oleh oleh PPj.
- 4.2 PSP bagi sesuatu projek pembangunan adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keadaan semasa tapak, serta perlaksanaan kerja kerja pengoperasian tapak bina. Mana-mana pembangunan yang hendak melaksanakan/menyambung semula kerja-kerja pembangunannya perlu melalui pengawasan dan kawalselia PSP seperti mana mengikut ketetapan Undang-undang Kecil (5.), Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam \*(Selangor) 1986 yang dikuatkuasakan pemakaianya di Wilayah Persekutuan Putrajaya.  
(\*pindaan 2021)

4.3 Semua pihak yang terlibat dengan kerja-kerja pembangunan di kawasan tapak bina hendaklah mematuhi Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 di Tapak Bina yang dikeluarkan oleh \*Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) bagi SOP PKP Sektor Pembinaan, CIDB serta Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian atau Agensi berkaitan.

(\*pindaan 2021)

4.4 Merujuk kepada perkara 4.3, **SEMUA PEKERJA** yang terlibat di dalam kawasan tapak bina **WAJIB** menjalani **UJIAN MAKMAL COVID-19**, sebelum kerja-kerja pembinaan boleh diteruskan/disambung semula/ dilaksanakan semula di tapak bina. Satu salinan rekod keputusan ujian makmal tersebut perlu dikemukakan kepada PPj sebelum Pemakluman Kebenaran Memulakan/Menyambung Semula Kerja-Kerja di Tapak boleh dikeluarkan oleh PPj.

4.5 Kontraktor/ Syarikat hendaklah mengemukakan kepada PPj keseluruhan senarai pekerja yang terlibat di dalam kawasan tapak bina semasa tempoh PKP. Kontraktor/ Syarikat mestilah memastikan pergerakan pekerja terbabit hanya terhad dari rumah ke tapak bina/ premis sahaja.

**Nota:**

- a) Perlu menghadkan jumlah pelawat ke premis
- b) Menggalakkan syarikat membuat mesyuarat secara maya

4.6 Kontraktor/ Pemaju/ PSP hendaklah memastikan pekerja asing yang bekerja di tapak bina mempunyai permit kerja yang sah.

4.7 Mana-mana pekerja-pekerja yang baru pulang dari luar negara, tidak dibenarkan bekerja selama tempoh 14 hari dari tarikh sampai ke Malaysia dan perlu menjalani proses kuarantin sepanjang tempoh tersebut.

4.8 Bagi kerja yang memerlukan penggunaan jentera berat, perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan jentera adalah dibenarkan tertakluk kelulusan kerja-kerja yang dibenarkan oleh MITI/CIDB/DOSH.

- 4.9 Syarikat/Kontraktor/mana-mana orang yang dilantik oleh \*pemaju/pemilik projek yang menjalankan kerja-kerja pembinaan bangunan/kerja tanah hendaklah memastikan diri mereka berada dalam keadaan sihat. Bagi syarikat yang berdaftar dengan tred (CIDB), perlu menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner* serta saringan gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas. Pengukuran suhu badan dan saringan gejala perlu dilakukan setiap hari kepada semua pekerja pembinaan yang terlibat. Pihak yang dilantik oleh pemilik premis perlu memastikan hanya pekerja yang tidak mempunyai gejala kesihatan yang sempurna boleh berada di tapak bina dan hanya dengan kadar yang minimum.  
(\*pindaan 2021)
- 4.10 Sekiranya bacaan suhu badan ialah 37.5 ° Celcius atau lebih, atau mempunyai gejala, pekerja yang berkaitan **tidak dibenarkan** memasuki kawasan tapak bina/premis dan perlu merujuk pekerja tersebut (dengan pekerja memakai mask) ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.

### **WAKTU PENGOPERASIAN KERJA**

- 4.11 **Waktu tapak bina beroperasi** bagi kerja-kerja pembinaan/pembangunan di W.P Putrajaya adalah seperti berikut:
- i. **Masa Bekerja :** Dari jam **\*7.30 pagi** sehingga **6.30 petang**
  - ii. **Hari Bekerja :** **6 hari seminggu** (Isnin hingga Sabtu)
- \*Ahad & Hari Kelepasan Am: TIDAK DIBENARKAN**
- iii. **Kerja Lebih :** **\*TIDAK DIBENARKAN**  
**Masa** (Bagi yang kelulusan semasa/bermula 13 Januari 2021 & mana-mana permohonan yang tidak pernah diberikan kebenaran kerja lebih masa)

(sambungan..)

**Kerja Lebih :** \*DIBENARKAN  
**Masa** (Bagi yang sedang dalam pembinaan & telah diberikan Permit Kerja (Malam) sebelum 13 Januari 2021, tertakluk kerja-kerja **hanya sehingga jam 10 malam** sahaja.

**Merujuk kepada \*** = tertakluk kepada sebarang pertimbangan PPj berdasarkan *case by case basis*

(\*pindaan 2021)

- 4.12 Kontraktor/Syarikat hendaklah mengurangkan bilangan pekerja kepada tahap paling minima atau \*dengan kapasiti maksimum sebanyak 50% daripada jumlah semasa yang diperlukan. Sehubungan dengan itu, Kontraktor/ Syarikat juga perlu mengemukakan **JADUAL PERLAKSANA KERJA** yang telah diperakui oleh PSP yang bertanggungjawab terhadap mana-mana Cadangan Pembangunan dibawah seliannya kepada PPj untuk sebarang pertimbangan kebenaran bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan di tapak.  
(\*pindaan 2021)

Jadual Perlaksanaan Kerja yang dikemukakan perlu jelas menunjukkan butiran kerja-kerja pembinaan yang hendak dilaksanakan dan disyorkan mengikut fasa yang telah ditentukan bagi tujuan pengurangan \*pekerja yang terlibat di tapak bina.  
(\*pindaan 2021)

- 4.13 Mana-mana pekerja/orang perseorangan ataupun pekerja yang tidak terlibat dengan keperluan untuk bekerja di tapak bina adalah dilarang untuk berada di dalam kawasan tapak bina.
- 4.14 Bagi kerja yang memerlukan kerja pertukangan, perlaksanaan kerja pertukangan perlu dibuat di kilang/bengkel pertukangan dan hanya kerja-kerja pemasangan dilaksanakan di tapak bina.

- 4.15 Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti Covid-19, Kontraktor/Syarikat/mana-mana orang yang dilantik oleh \*pemilik projek/pemaju bagi kerja-kerja \*pembinaan bangunan/kerja tanah perlu **MEMBERHENTIKAN OPERASI DAN MENUTUP PREMIS/KAWASAN TAPAK BINA** dengan **SERTA MERTA**. Seterusnya memaklumkan perkara tersebut kepada PPj dan lain-lain Agensi Berkaitan. (\*pindaan 2021)
- 4.16 \*Kontraktor/mana-mana orang yang dilantik oleh \*pemilik projek/pemaju adalah bertanggungjawab untuk menanggung sepenuhnya semua kos perubatan, proses nyah kuman di tapak bina/ premis dan lain-lain kos yang berkaitan. Pemilik Premis/Syarikat/Kontraktor/ mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis perlu memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dalam melaksanakan \*kontak saringan (*contact tracing*) pekerja yang telah dijangkiti Covid-19 dan pengurusan \*kontak. (\*pindaan 2021)
- 4.17 \*Kontraktor/mana-mana orang yang dilantik oleh \*pemilik projek/pemaju perlu memastikan pengangkutan bagi pergerakan pekerja adalah daripada kediaman pekerja ke tapak kerja, dan mengamalkan *social/ safe distancing*. (\*pindaan 2021)
- 4.18 \*Kontraktor/mana-mana orang yang dilantik oleh \*pemilik projek/pemaju hendaklah memastikan kenderaan mengangkut pekerja telah menjalani proses sanitasi dan nyah kuman setiap kali sebelum digunakan. (\*pindaan 2021)
- 4.19 \*Kontraktor/mana-mana orang yang dilantik oleh \*pemilik projek/pemaju hendaklah memberikan pemahaman terhadap garis panduan menangani Covid-19 kepada setiap pekerja dibawah seliaannya untuk rantaian pemahaman mereka. (\*pindaan 2021)
- 4.20 Sekiranya Kontraktor/ Syarikat menyediakan kemudahan Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ) untuk pekerja, pihak kontraktor/ syarikat perlu memastikan ianya mematuhi Garis Panduan Operasi Centralised Labour Quarters (CLQ) dan Penginapan Pekerja Binaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh CIDB serta mana-mana agensi yang berkaitan.

## 5. PEMAKLUMAN UNTUK PENGOPERASIAN KERJA DI TAPAK BINA

- 5.1 Tapak-Tapak Bina **HANYA DIBENARKAN BEROPERASI** oleh PPj setelah mematuhi perkara berikut;
- i. **Kelulusan Mendirikan Bangunan / Kelulusan Kerja Tanah \*dan Infrastruktur / Apa-Apa Kebenaran Bertulis** yang berhubung dengan kerja-kerja pembangunan / \*infrastruktur yang telah dikeluarkan oleh PPj dan dalam tempoh sah laku. (\*pindaan 2021)
  - ii. **Perkhidmatan Profesional** bagi perkhidmatan senibina (Arkitek) atau kejuruteraan \*[Jurutera Profesional (civil) dengan sijil amalan] selaku PSP, yang bertindak sebagai *Supervision Officer* untuk projek pembangunan tersebut masih berkuatkuasa. (\*pindaan 2021)
  - iii. Senarai Nama Pekerja yang disertakan **Salinan rekod keputusan Ujian Makmal COVID-19 yang telah disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar** terhadap **SEMUA PEKERJA** (Pekerja Asing & Tempatan) yang terlibat di dalam kawasan tapak bina tersebut telah dikemukakan kepada PPj.
  - iv. **\*Kebenaran/kelulusan daripada CIMS MITI** oleh pihak Pemaju/Kontraktor Utama/Mana-mana pihak yang diberikan kebenaran untuk melaksanakan atau meneruskan kerja pembinaan, yang merujuk kepada SOP Kerja Pembinaan KKR. (\*pindaan 2021)
- 5.2 Pemaju/Syarikat/Kontraktor/ melalui Orang Utama Yang Mengemukakan (PSP) yang bertanggungjawab terhadap Projek Pembangunan tersebut **PERLU MENGEMUKAKAN NOTIS PEMAKLUMAN SECARA BERTULIS** untuk memulakan/memulakan semula kerja-kerja di tapak/premis.

Sekiranya Kerja-Kerja di tapak telah diberhentikan melebihi selama 90 hari atau mana-mana kerja ubahsuai belum dimulakan di tapak, **Borang B (Notis Memulakan/Menyambung Semula Kerja-Kerja Di Tapak)** hendaklah dikemukakan seperti mana mengikut ketetapan Seksyen 70(9), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133).

- 5.3 PPj berhak/boleh **MELARANG** atau **TIDAK MEMBENARKAN PENGOPERASIAN KERJA-KERJA DI TAPAK** berdasarkan faktor berikut;

**Pembinaan Baharu / Mana-mana perkara 5.1 tidak  
Penyambungan Semula :** dipatuhi

**Nota:** Larangan adalah selaras dengan ketetapan undang-undang Kecil (5), Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam \*(Selangor) 1986 – Pengawasan Kerja. (*\*pindaan 2021*)

- 5.4 Sebarang kebenaran untuk Memulakan atau Menyambung Semula Kerja-Kerja Pembinaan walaupun suatu kelulusan daripada pihak MITI/CIDB untuk pengoperasiannya telah diperolehi sebelumnya, adalah tertakluk dengan keputusan PPj selaku Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir dan mengurus Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- 5.5 PPj boleh/berhak untuk menarik semula kebenaran atau mengarahkan kerja-kerja di tapak diberhentikan dan dikosongkan daripada pengoperasiannya pada bila-bila masa, berdasarkan penilaian terhadap keadaan semasa yang berlaku di W.P Putrajaya.
- 5.6 Sekiranya suatu kebenaran/kelulusan memulakan atau menyambung semula kerja-kerja pembinaan di tapak telah diperolehi, suatu **PENGEMUKAAN JADUAL PERLAKSAAAN KERJA** adalah diperlukan untuk pengesahan PPj.

## 6. JENIS KERJA-KERJA YANG DIBENARKAN

- 6.1 Jenis Kerja-Kerja yang dibenarkan adalah tertakluk dengan skop kerja/projek yang diluluskan oleh PPj berdasarkan surat kelulusan yang telah dikeluarkan oleh PPj. [Merujuk Kepada Perkara 5.1(l.)].
- 6.2 Kerja-Kerja Bangunan yang telah pun dimulakan sebelum tempoh PKP dilaksanakan pada \*13 Januari 2021 – tertakluk kerja-kerja tersebut yang ditinggalkan/tidak diteruskan boleh mendatangkan bahaya kepada bangunan \*yang sedang dibina sediada atau mana-mana pihak lain yang berkaitan dengan kerja-kerja pembinaan yang sedang dilaksanakan.  
*(\*pindaan 2021)*
- 6.3 Kerja-kerja penyelenggaraan struktur bangunan - tertakluk kepada keperluan tertentu (mendesak atau kecemasan), mana-mana kerja-kerja penyelenggaraan semula struktur bangunan yang hendak dilaksanakan itu perlu dilakukan dengan kadar segera bagi mengelakkan kesusahan mana-mana pihak.
- 6.4 Kerja-kerja penyelenggaraan tapak bina - Pemaju/Kontraktor/Orang yang diberikan suatu Permit Sementara bagi binaan sementara yang terdapat/didirikan di dalam kawasan tapak bina yang telah diberikan Notis Arahan oleh PPj supaya kerja-kerja menyelenggara atau pemberian semula kawasan tapak bina yang merangkumi binaan sementara di tapak, dilaksanakan dengan kadar segera/serta-merta.
- 6.5 Kesemua perlaksanaan projek yang dibenarkan adalah tertakluk kepada pematuhan penuh Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 di Tapak Bina.
- 6.6 \* Mana-mana projek pembangunan atau infrastruktur/penyelenggaraan /baikpulih sepertimana yang dicatatkan dalam SOP PKP Sektor Pembinaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR)  
*(\*pindaan 2021)*

## 7. PELAKSANAAN DAN PEMATUHAN

- 7.1 Pemakluman Kebenaran Beroperasi akan dikeluarkan oleh PPj kepada PSP yang bertanggungjawab terhadap Projek Pembangunan yang dilaksanakan.
- 7.2 SOP ini hendaklah dibaca bersama SOP Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh MITI serta lain-lain SOP yang dikeluarkan oleh Kementerian atau Agensi berkaitan.
- 7.3 Selain daripada itu, SOP ini juga perlu merujuk kepada butiran terperinci Senarai Semak [Sektor Pembinaan: Pembinaan Dan pengurusan Tapak Bina] yang dikeluarkan oleh PPj.
- 7.4 Pemilik premis/PSP/Kontraktor/Syarikat/mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis hendaklah melaksanakan pengurusan risiko, penjadualan kerja dan pengagihan pekerja mengikut skop kerja yang akan dilaksanakan di tapak bina.
- 7.5 Adalah menjadi tanggungjawab Pemilik Premis/PSP/Kontraktor/Syarikat/mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis untuk merekod tahap kesihatan setiap orang pekerja yang terlibat di tapak/premis, bagi tiap-tiap hari ianya berkerja di tapak/premis, sepetimana merujuk keperluan di perkara 4.9 yang telah dinyatakan sebelumnya.

**Nota:** Sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja kerana demam atau bersimptom, perlu dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan \*Putrajaya.

(\*pindaan 2021)

- 7.6 PSP/Kontraktor/Syarikat/mana-mana orang yang dilantik oleh \*pemaju/pemilik projek hendaklah memastikan kawalan pergerakan para pekerja hanya melibatkan pergi dan balik daripada kediaman pekerja ke tapak pembinaan sahaja.  
(\*pindaan 2021)

- 7.7 Kawasan tapak bina/premis perlu dikosongkan dengan kadar segera setelah tempoh waktu bekerja tamat (merujuk tempoh waktu bekerja di perkara 4.11)
- 7.8 Semua Pekerja Pembinaan / Mana-Mana Orang adalah **DILARANG / TIDAK DIBENARKAN** untuk tinggal atau mendiami Kawasan Tapak Bina tanpa suatu kebenaran yang sah daripada PPj.
- 7.8A \* Merujuk kepada perkara 7.8, mendirikan binaan rumah pekerja/rumah kongsi/kabin/bangsal atau apa-apa ruang/kawasan untuk dijadikan tempat penginapan pekerja adalah merupakan SUATU KESALAHAN di bawah Undang-Undang Bangunan yang dikuatkuasakan oleh PPj di Wilayah Persekutuan Putrajaya. (\**pindaan 2021*)
- 7.9 Semua kenderaan \*mengangkut pekerja atau bahan binaan, serta bahan-bahan binaan yang dibawa masuk ke tapak bina perlulah disanitasi. Pemandu kenderaan membawa bahan masuk juga perlu disaring dengan mengambil suhu badan dan menggunakan hand sanitizer. (\**pindaan 2021*)
- 7.10 Kontraktor/ Syarikat perlu mempunyai Protokol Tindak Balas Kecemasan (*Emergency Response Protocol*) yang menyatakan apa yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kes jangkitan Covid-19 atau pun kes siasatan jangkitan Covid-19 terhadap pekerja.
- 7.11 Kehendak-kehendak lain dalam SOP ini hendaklah dibaca bersama *Prosedur Operasi Standard Am Dan Garis Panduan Am Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Projek Pembinaan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Dokumen 1) 2020 Kementerian Kerja Raya/Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)*.

- 7.12 \* Kawasan tapak bina tidak boleh dibiarkan terdedah kepada pandangan orang awam dan perlu sentiasa ditutup/dikepung dengan papan dendeng (hoarding) yang telah didirikan di tapak bina. Mana-mana bahan binaan **TIDAK DIBENARKAN** berada di luar kawasan tapak bina dan tidak dibenarkan melaksanakan kerja-kerja pertukangan/penyediaan bahan binaan di luar kawasan tapak bina yang tidak ditutup dengan papan dendeng.

Mana-mana pihak yang gagal mematuhi pengurusan tapak bina dengan tidak memasang papan dendeng secukupnya atau sengaja melaksanakan kerja-kerja pembinaan di luar kawasan tapak bina adalah disabitkan melakukan kesalahan.

(\*pindaan 2021)

## 8. PENGUATKUASAAN

- 8.1 Hanya Tapak Bina yang mempunyai Pemakluman Kebenaran Beroperasi yang dikeluarkan oleh PPj **BOLEH DIBENARKAN** untuk beroperasi di tapak.
- 8.2 Mana-mana Surat Kebenaran Beroperasi yang dikeluarkan selainnya [oleh MITI/CIDB dan lain-lain Agensi Berkaitan] hendaklah sentiasa dalam simpanan dan boleh diakses/ditunjukkan pada bila-bila masa semasa pemeriksaan tapak dijalankan oleh pihak PPj atau mana-mana Agensi yang berkaitan.
- 8.3 PPj selaku Pihak Berkuasa Tempatan di W.P Putrajaya melalui suatu Notis Bertulis boleh **MENGELUARKAN ARAHAN MENUTUP KAWASAN TAPAK BINA / MENGHENTIKAN OPERASI TAPAK BINA** dengan serta merta sekiranya mendapati berlakunya perkara-perkara berikut;
- i. Rekod/Keputusan Ujian Makmal COVID-19 sepetimana yang dikehendaki di perkara 5.1(iii.) tidak dikemukakan kepada PPj.
  - ii. Ketidakpatuhan kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit yang berkuatkuasa dalam tempoh PKP dilaksanakan (pelanggaran terhadap kebenaran (bilangan pekerja, penjarakkan sosial, *hand sanitizer*, saringan suhu badan) yang diberikan).

- iii. Perlanggaran mana-mana akta/undang-undang kecil yang yang dikuatkuasakan oleh PPj selaku Pihak berkuasa Tempatan di Wilayah Persekutuan Putrajaya.
  - iv. Perlanggaran mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan oleh mana-mana agensi di Malaysia.
- 8.4 Kegagalan mana-mana pihak mematuhi arahan PPj berhubung SOP ini serta butiran terperinci Senarai Semak [Sektor Pembinaan: Pembinaan Dan pengurusan Tapak Bina] yang dikeluarkan oleh PPj, boleh menyebabkan tindakan Penguatkuasaan dan Undang-Undang dilaksanakan oleh PPj tanpa sebarang peringatan atau apa-apa notis yang akan dikeluarkan lagi.
- 8.4A Mana-mana orang yang didapati melakukan kesalahan dan melanggar perkara 7.8A tersebut akan dikenakan tindakan kompaun berjumlah **Dua Puluh Lima Ribu Ringgit Malaysia (RM25,000)** untuk tiap-tiap satu binaan sementara/rumah kongsi/bangsal atau apa-apa binaan bagi maksud penempatan atau penginapan pekerja yang tidak dibenarkan beroparasi/didirikan di dalam kawasan tapak bina di W.P Putrajaya. Selain itu, binaan yang tidak dibenarkan tersebut akan diarahkan untuk dirobohkan/dimusnahkan dengan serta-merta.  
*(\*pindaan 2021)*
- 8.4B Mana-mana orang yang didapati melakukan kesalahan dan melanggar perkara 7.12 tersebut akan dikenakan tindakan kompaun berjumlah **Dua Ribu Ringgit Malaysia (RM2,000)** untuk tiap-tiap satu kesalahan tersebut dan arahan PPj akan dikeluarkan serta merta untuk membaiki/menyelenggarakan papan dendeng dan mengeluarkan apa-apa bahan binaan dan tidak melaksanakan kerja-kerja pembinaan di luar kawasan tapak bina yang tidak ditutup dengan papan dendeng. Kompaun harian berjumlah **Lima Ratus Ringgit Malaysia (RM500)** boleh dikeluarkan untuk tiap-tiap hari kesalahan tersebut dilakukan.  
*(\*pindaan 2021)*

- 8.5 Sebarang ketidakpatuhan PSP/Pemaju/Kontraktor/Syarikat/mana-mana pihak terhadap arahan pematuhan operasi tapak bina sepanjang PKP akan direkodkan untuk dilaporkan kepada Agensi penguatkuasaan lain yang terlibat untuk tindakan yang sewajarnya.
- 8.6 PPj berhak untuk meminda syarat-syarat di atas tertakluk kepada situasi semasa.

## 9. \*PENGECUALIAN

- 9.1 Tiada mana-mana pihak berhak diberikan pengecualian daripada mengikuti SOP yang dikeluarkan ini. Kegagalan mematuhi SOP ini adalah merupakan suatu kesalahan dan PPj boleh mengarahkan tapak bina ditutup dengan SERTA MERTA.
- 9.2 PPj juga akan melaporkan kepada Agensi Lain yang berkaitan (CIDB/KKR/KKM/JTK) bagi sebarang perlanggaran undang-undang berkaitan kerja-kerja pembinaan atau pengurusan pekerja pembinaan untuk tindakan agensi terlibat.

(\*pindaan 2021)